

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN ENVEX'09 PADA 22 MAC 2009

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.

Yang Berbahagia, Prof. Dr Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib  
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP.

Yang Berbahagia, Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP.

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, ketua-ketua  
Jabatan, para Pelajar dan peserta ENVEX'09, wakil-wakil media  
seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, dengan kurnia yang maha esa, dapat kita berkumpul hari ini bagi bersama-sama memeriahkan majlis penutup 'Engineering Invention and Innovation Exhibition 2009' peringkat Universiti Malaysia Perlis.

Saya sangat gembira dengan inisiatif yang telah diambil oleh pihak hal ehwal pelajar dan alumni serta Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar bersama-sama semua pusat pengajian dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Dan Inovasi yang telah menganjurkan program yang saya kira sangat berfaedah dan boleh memupuk semangat pelajar dalam bidang penyelidikan.

Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa di bawah pimpinan En Mustafa Al-Bakri Abdullah yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini . Tidak lupa juga kepada siswa dan siswi UniMAP yang bersungguh-sungguh menyokong dan berusaha menghasilkan produk bagi

merealisasikan ENVEX'09 yang merupakan acara yang julung kali diadakan. Syabas saya ucapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya difahamkan yang program ini diadakan sebagai landasan untuk memilih produk atau penyelidikan pelajar yang akan mewakili UniMAP dalam sebarang pertandingan di peringkat kebangsaan pada tahun ini.

Sememangnya saya sangat tertarik dengan apa yang saya lihat semasa melawat tapak pameran. Saya dapati para pelajar mampu menghasilkan produk-produk yang sangat baik dan kreatif. Di celah-celah kesibukan aktiviti seharian, para pelajar ini mampu memperuntukkan sebahagian masa untuk menghasilkan produk-produk yang kita lihat hari ini.

Inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni dan semua Pusat Pengajian dalam menggalakkan para pelajarnya terlibat secara

langsung dalam dunia penyelidikan harus dipuji kerana ianya secara sedar atau tidak telah meyokong dan mendedahkan para pelajar dengan program *i@UniMAP* yang dilancarkan sempena Ucaptama Naib Canselor tahun lepas.

Untuk makluman semua, program *i@UniMAP* ini, merupakan program wajib universiti dimana para graduan UniMAP perlu menjalankan penyelidikan sepanjang 4 tahun pengajian mereka dan menghasilkan produk di akhir pengajiannya kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bersesuaian dengan tema 'Engineering For Society', diharapkan produk dan rekacipta yang dihasilkan pelajar ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada masyarakat.

Oleh itu, dengan menjayakan program ENVEX'09 ini, para pelajar telah mendapat pendedahan awal tentang penyelidikan dan

insyaallah tidak akan menghadapi kesukaran semasa melaksanakan program *i@UniMAP* nanti. Di samping itu, ENVEX'09 ini juga memberi peluang kepada para pelajar tahun akhir untuk mempertandingkan produk mereka.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan pada pihak penganjur kerana menjemput saya pada petang ini. Tanpa melengahkan masa lagi, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan majlis penutup 'engineering invention and innovation exhibition (ENVEX'09).

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.